



## MAKLUMBALAS ADUAN MELALUI BERITA HARIAN

Aduan daripada NM07:BHA35412 melalui akhbar Berita Harian di ruangan R@kan BH pada 23 Disember 2014 adalah dirujuk.

Untuk makluman, PTPTN telah melaksanakan pertukaran secara automatik semasa penurunan kos pentadbiran daripada 4% kepada 3% mulai tahun 2004 memandangkan kedua-duanya adalah pinjaman berdasarkan prinsip konvensional. Namun, bagi pertukaran kos pentadbiran 3% kepada Ujrah 1%, peminjam perlu membuat permohonan dan menandatangani dokumen perjanjian yang baharu memandangkan ia melibatkan perubahan daripada pinjaman konvensional kepada pembiayaan patuh syariah. Tindakan yang dilaksanakan oleh PTPTN ini adalah selari dengan tindakan institusi-institusi kewangan yang lain. Untuk maklumat lanjut, layari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**Rina Abd Rahman**

Pegawai Perhubungan Awam

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional